



(<https://www.myzarratravel.com.my/>)

Utama Malaysia ▾ Antarabangsa ▾ Tentang MyZarra Artikel

Insuran Perjalanan Hubungi Kami

# PRIVATE TOUR – MIN 4 TO GO! 7 DAYS 6 NIGHTS TURKIYE – ISTANBUL, BOLU, SAFRANBOLU, ANKARA & CAPPADOCIA (FULLBOARD HALAL)

## TURKEY


***Discover Cappadocia, Istanbul, and the Turkish bazaars in one unforgettable adventure!***

**Tour Code: DTM01**

**DOWNLOAD PDF ITINERARY**

Turkiye terkenal dengan pemandangan semula jadi yang memukau, bandar bersejarah yang kaya budaya dan penduduk tempatan yang mesra. Cappadocia memukau dengan lembah berbatu dan bandar bawah tanahnya, manakala Istanbul menanti dengan masjid ikonik, istana megah dan bazar meriah. Setiap hari penuh pengalaman baru, makanan tempatan yang lazat dan cenderahati unik, menjadikan perjalanan ini satu kenangan yang tak dapat dilupakan.





## ATURCARA PERJALANAN

### HARI 1: TIBA DI ISTANBUL - BOLU (MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Sabiha, anda akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan sebelum bertolak terus ke Bolu untuk bermalam dan berehat

### HARI 2 : BOLU - SAFRANBOLU - ANKARA (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel, kemudian peserta bertolak ke Safranbolu untuk memulakan lawatan. Kawasan ini terkenal dengan rumah-rumah tradisional yang terpelihara dan suasana bandar lama yang menawan.

Lawatan diteruskan ke Hidirlik Hill. Dari sini, peserta boleh menikmati pemandangan panorama bandar Safranbolu yang indah dan mengambil gambar kenangan. Seterusnya, peserta menerokai Old Safranbolu Bazaar. Bazaar ini dipenuhi dengan kedai tradisional yang menjual kraftangan tempatan dan barangan unik, memberikan pengalaman membeli-belah yang autentik.

Peserta kemudian mengunjungi Kaymakamlar House. Rumah bersejarah ini menampilkan seni bina Ottoman yang terpelihara dan memberikan gambaran kehidupan masyarakat tempatan zaman dahulu. Selepas itu, lawatan ke Cinci Han pula. Bangunan ini adalah caravanserai bersejarah yang kini menjadi mercu tanda penting Safranbolu dan lokasi menarik untuk bergambar.

Setelah selesai, peserta akan meneruskan perjalanan ke Ankara. Setibanya di sana, makan malam disediakan di hotel dan bermalam di Ankara.

### HARI 3 :ANKARA - CAPPADOCIA (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta akan bertolak untuk mengunjungi Atatürk Mausoleum. Monumen ini dibina bagi memperingati Mustafa Kemal Atatürk dan terkenal dengan seni bina yang megah serta kawasan memorial yang luas.

Seterusnya, peserta akan singgah di Salt Lake (Tuz Gölü). Tasik garam ini terkenal dengan permukaan putih yang berkilau dan menjadi lokasi popular untuk bergambar dengan panorama unik seperti cermin semula jadi.

Selepas itu, peserta meneruskan perjalanan menuju Cappadocia. Perjalanan ini menawarkan pemandangan lembah berbatuan yang semakin menarik sebaik menghampiri kawasan Cappadocia. Setibanya di Cappadocia, peserta akan daftar masuk hotel dan menikmati makan malam yang disediakan.

### HARI 4: CAPPADOCIA FULL DAY TOUR (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta akan bertolak untuk mengunjungi Cardak Underground City. Kota bawah tanah ini menampilkan terowong dan bilik yang dibina berabad lamanya, memberikan pengalaman seiarah vana unik dan menakutkan. Lawatan diteruskan ke Love Valley, vana terkenal dengan

pengalaman sejarah yang unik dan menakutkan lawatan diteruskan ke Love Valley, yang terkenal dengan formasi batuan semula jadi yang unik dan menjadi lokasi popular untuk bergambar serta menikmati panorama menakjubkan.

Seterusnya, peserta singgah di Avanos Village, kampung yang terkenal dengan seni tembikar tradisional dan suasana kampung yang tenang, membolehkan peserta melihat proses pembuatan tembikar secara langsung. Photostop di Pigeon Valley pula membolehkan peserta merakam pemandangan unik rumah merpati yang dipahat pada batu, manakala lawatan ke Uchisar Castle menawarkan panorama Cappadocia yang menakjubkan dari atas benteng batu yang terkenal.

Akhir sekali, peserta berhenti di kedai Carpet & Pottery untuk membeli kraftangan tempatan. Di sini, peserta boleh memilih permaidani, tembikar dan cenderahati unik sebagai kenangan lawatan mereka. Selepas selesai, peserta kembali ke hotel untuk berehat dan bersedia untuk aktiviti seterusnya.

*Optional program:* Hot-Air Balloon, Jeep Safari, Mevlana Show & Belly Dance Show with Drink

### **HARI 5: CAPPADOCIA - ISTANBUL (SP/MT/MM)**

Sarapan pagi di hotel. Selepas itu, peserta akan memulakan perjalanan panjang dari Cappadocia ke Istanbul. Sepanjang perjalanan, peserta boleh menikmati pemandangan indah perkampungan dan landskap Turkiye yang berubah dari lembah berbatu Cappadocia ke kawasan bandar yang sibuk.

Singgah untuk makan tengah hari di restoran tempatan, di mana peserta boleh mencuba hidangan tradisional Turkiye dan berehat sebentar sebelum meneruskan perjalanan.

Setibanya di Istanbul, peserta akan daftar masuk hotel dan berehat. Waktu malam bebas untuk peserta menjelajah sekitar hotel atau menikmati suasana malam di bandar Istanbul.

### **HARI 6: ISTANBUL FULL DAY TOUR (SP/MT/MM)**

Sarapan pagi di hotel. Selepas itu, peserta akan memulakan lawatan di kawasan Old City Istanbul. Lawatan termasuk Blue Mosque, masjid ikonik dengan seni bina menakjubkan, serta Hippodrome, pusat acara penting pada zaman Empayar Byzantium. Peserta juga berhenti bergambar di Hagia Sophia, simbol sejarah yang kaya dengan budaya Islam dan Kristian.

Seterusnya, photostop di Topkapi Palace 1st Courtyard untuk melihat istana megah yang menjadi kediaman sultan Uthmaniyyah. Peserta akan menyelami sejarah dan menikmati pemandangan istana sebelum menuju ke Grand Bazaar untuk membeli-belah dan merasai suasana pasar tradisional Turkiye.

Akhir sekali, peserta berhenti di kedai Leather & Turkish Delight. Di sini, peserta boleh membeli cenderahati seperti barangan kulit dan manisan Turkiye yang terkenal sebagai kenangan lawatan mereka.

*Optional program:* Pierre Loti Tea Time, Dolmabahce Palace, Underground Cistern

### **HARI 7: ISTANBUL - KUALA LUMPUR (SP/MT)**

Selepas sarapan pagi, peserta akan memulakan lawatan ke Balat, kawasan bersejarah di Istanbul yang terkenal dengan rumah-rumah berwarna-warni dan suasana tradisional yang menawan. Peserta juga akan berhenti bergambar di Rainbow Stairway, lokasi popular untuk foto kenangan dengan latar belakang tangga penuh warna-warni.

Selepas itu, peserta akan menikmati makan tengah hari di restoran tempatan, mencuba hidangan tradisional Turkiye sambil berehat sebentar sebelum meneruskan perjalanan.

Setelah selesai, peserta akan bertolak ke Lapangan Terbang Sabiha untuk penerbangan pulang ke tanah

air. Perjalanan penuh kenangan ini berakhir, membawa pulang pengalaman dan momen indah sepanjang jelajah Turkiye.

*Optional program:* Bosphorus Cruise (min 10pax)

## BUTIRAN HARGA:

PAKEJ	HARGA SEORANG (MYR)			SINGLE SUPP	GROUP SIZE (PAX)
	BASED ON TWIN / TRIPLE SHARING ROOM				
	TWIN/ TRIPLE	KANAK-KANAK DENGAN KATIL (6 - 11 TAHUN)	KANAK-KANAK TANPA KATIL (2 - 5 TAHUN)		
Ground only	5,690	4,850	3,990	900	4
	4,490	3,850	3,150	900	6
	3,990	3,390	2,790	900	8

**Penerbangan pergi balik Air Asia X: KUL-SAW-KUL (kos RM3,000/seorang)\* - kos akhir bergantung pada tarikh yang anda pilih**

### PAKEJ TERMASUK:

- Penginapan hotel 6 malam bertaraf 4/5\* sepanjang lawatan.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengah hari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tour guide berbahasa Inggeris.
- Pengangkutan yang selesa sepanjang lawatan. (12 seats)
- Tiket masuk lawatan mengikut aturcara.
- Air mineral di dalam bas (1 botol/pax/hari)
- Air mineral sewaktu makan(1 botol besar/4pax)

### PAKEJ TIDAK TERMASUK:

- Tiket penerbangan
- Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Tips untuk guide & driver
  - 15pax kebawah - (8 USD/pax/hari)
  - 15pax keatas - (5 USD/pax/hari)
- Perbelanjaan Peribadi
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

## NOTA & SURCAJ

- ➔ Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN
- ➔ Surcaj untuk Krismas, Tahun Baru dan Hari Raya
- ➔ Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Dec 2026

## PENGINAPAN

BANDAR	HOTEL / SIMILAR*	BILANGAN MALAM
Bolu	Elifim Hotel	1
Ankara	Demonti Hotel	1
Cappadocia	Emin Kocak Hotel	2
Istanbul	Golden Way Hotel	2

Jadual di atas digunakan sebagai panduan, ada kemungkinan sedikit perubahan.  
TERMA & SYARAT DIKENAKAN

### Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

☎ Office : 03-90572324(tel:+60390572324%20)

☎ Zawati : 019-2277253(tel:+60192277253)

☎ Saidatul : 011-28662548(tel:+60173496008)

(htt  
(htt ps:/